

BONDA NOR
AZIANA AR

BONDA
NOR
SDN. BHD

URUS REZEKI



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

54167

Bonda Nor

Sdn Bhd

F-G-3, Indah Condominium, Jalan PJU 10/9,
Prima Damansara, 47130 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

URUS REZEKI

Terbitan Pertama 2023

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Bonda Nor Sdn. Bhd.

PENULIS

Bonda Nor
Aziana AR

EDITOR

Bonda Nor
Faizah Ahmad

PRUF

Khadijah Mohamad Nor

REKABENTUK KULIT / REKA LETAK

Reka Lukis

PEMASARAN

Faizah Ahmad
(011-23215587)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0018-18-8


372.024

**BONDA NOR
AZIANA AR**

URUS REZEKI



Jaga
berkat
rezeki
mendekat




1013958





Kandungan



Bicara Penulis Bonda Nor	ix
Bicara Penulis Aziana AR	xiii
SEGMENT 1: MENGURUS MINDSET	xvi
Memahami Konsep Rezeki	1
Rezeki Berbeza	8
Jangan Terminta-Minta	13
Guna Dulu Mana yang Ada	18
First Thing First	24
Penyakit Hati dalam Rezeki	26
Berkat	36
Indahnya Kecukupan	39
SEGMENT 2: MENGURUS BAJET	46
Ke Mana Bajet Kita?	47
Tenang Bergaya	52
Perkahwinan Bukan Beban	61

Kandungan

Antara Tanggungjawab dan Empati	69
Hari Gaji	76
Kalau Aku Kaya	79
Pendapatan VS Perbelanjaan	86
Partition Rezeki	105
SEGMENT 3: MENGURUS KERJAYA	108
Bisnes atau Makan Gaji?	114
Fokus untuk Fokus	120
Pentingnya Langkah Pertama	126
Return of Investment	130
Sabar Menunggu Esok	133
Tinggalkanlah	135
Berkawan dengan Pesaing	140
Perempuan Mesti Berduit	146
SEGMENT 4: MENGURUS ASET	153
Jangan Lupakan Duniamu	154
Jihad Hartanah	159
Rumah Oh Rumah	164
Rumahku Syurgaku	169
Hartanah Dunia Ke Akhirat	174



Kereta Lelong	178
Aku dan Emas	182

SEGMENT 5: MENGURUS HUTANG **186**

Mengurus Hutang dan Hak Orang	187
Hutang atau Sedekah	195
Meminta-Minta	198
Apa, Pinjaman Saya Ditolak?	202
Kereta Ideal dan DSR	206
Pak Mat dan Kereta	210

SEGMENT 6: MENGURUS IBADAH **222**

Nilai Seisi Dunia	223
Smart Ibadah	226
Hidup dengan Sedekah	230
Ibu Bapa dan Keluarga	238
Ibadah Percutian Keluarga	243
Kitaran Rezeki	249
Pengikat Kasih	252
Fastabiqul Khairat	258
Ketika Cinta Bertalbiah	264



SEGMENT 7: MENGURUS RISIKO	271
Ketidakpastian	272
Kerana Terdesak	275
Pelaburan atau Peleburan?	280
Hidup Miskin Mati Kaya	284
Rahsia	289
Bersusah-susah Dahulu	292
Pusaka atau Puaka	297
Mungkin yang Terakhir	301
Suatu Pengertian	303
Biodata Ringkas Bonda Nor	306
Biodata Ringkas Aziana AR	308





Bicara Penulis

BONDA NOR

Bismillahi Masya-Allah. Allahuakbar. Sungguh, saya bersyukur kerana Allah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berkongsi satu lagi cabang kehidupan yang sangat besar maknanya. Meskipun menerusi penulisan saya yang sederhana dan sekadarnya, mudah-mudahan ia tetap memberi manfaat pada pembaca.

Tentang rezeki, tentang satu hal yang mungkin menjadi beban dan kerunsingan pada kita setiap hari. Celik saja mata, sudah fikir tentang kerja. Kadang kerja kerana terpaksa, bukan dengan sepenuh hati. Kadang sampai bertarung stres dalam diri - kalau tak kerja, mana nak dapat rezeki! Maka, kita pun bekerjalah juga, menghabiskan sebahagian besar masa kita mengabdikan diri pada dunia.

Namun, peringatan daripada ulama tersohor Indonesia, Buya Hamka seharusnya menjadi *wake up call* kepada kita

untuk kembali meneliti peranan utama kita hidup di dunia ini. Adakah kita hidup semata-mata untuk bekerja?

“Kalau hidup sekadar hidup, babi di hutan juga hidup. Kalau bekerja sekadar bekerja, kera juga bekerja.”

Allah! Kita tidak mahu hidup kita sekadar itu. Justeru, sangat penting bagi kita untuk tidak menyempitkan fungsi dan peranan nyawa kita lagi. Kita tidak mahu pemikiran kita hanya seputar kisah duit, duit dan duit hingga kita memaksa diri bekerja untuk mencari rezeki. Lebih penting lagi, kita tidak mahu menyempitkan makna rezeki itu sendiri!

Dengan nyawa yang kita ada ini, perjuangan kita bukan hanya pada mencari duit untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ada banyak lagi cabang-cabang rezeki yang perlu kita perjuangkan dan uruskan agar tidak menggamit sebarang penyesalan. Rezeki apa yang kita ada dan apa yang mahu kita cari lagi? Harus bagaimana pula kita menguruskannya?



Itulah antara pengisian utama yang ingin kami bawakan menerusi naskhah ini.

Sebagai seorang yang sudah banyak mengalami jatuh bangun kendalikan ekonomi sendiri, juga menyaksikan jatuh bangun orang lain, saya faham bahawa sebenarnya kebanyakan kita bukan tak cukup duit, tapi tak urus rezeki dengan baik. *Passion* saya terhadap bidang pengurusan rezeki inilah yang buat saya menyimpan hasrat untuk menulis satu buku khas berkenaannya. Bahkan, saya telah menjemput seorang pegawai bahagian kredit sebuah institusi kewangan terkenal, Puan Aziana AR untuk turut sama menyumbang perkongsian menerusi buku ini.

Buku ini bukanlah sebuah buku panduan pengurusan kewangan yang lengkap. Ia lebih kepada pengurusan hati dalam mengendalikan rezeki dan juga memuatkan panduan-panduan dalam meraih kemajuan dan keberkatan dalam menjalankan tugas sebagai khalifah.

Untuk itu, ia telah dibahagikan kepada tujuh segmen yang mencakupi pengurusan *mindset*, bajet, kerjaya, aset, hutang, ibadah dan risiko.

Back to back, apabila bercakap soal pengurusan rezeki, memang tiada pilihan kecuali kembali semula kepada tujuan asal kita diciptakan. Untuk menjadi khalifah. Untuk beribadah dan memakmurkan bumi Allah.

Hakikatnya, berapa buah rumah kita ada tidak penting. Berapa harga sepinggan nasi yang kita makan tidak penting. Berapa banyak tabungan kita dalam bank juga tidak penting. Murah atau mahal, cantik atau tidak, banyak atau sedikit, semuanya tidak penting. Semua itu hanyalah nikmat dan ujian yang bersifat sementara. Semua itu adalah alat ujian Allah buat kita. Ya, dunia ini hanyalah alat sedangkan syurga itulah yang menjadi matlamat!

Justeru, tujuan utama buku ini digarap ialah untuk sama-sama berkongsi peringatan berkenaan kepentingan mengurus dan mempergunakan rezeki dalam menggapai reda Allah. Semoga hasrat dan objektif penulisan buku ini tercapai dan memberi manfaat pada masyarakat. Selamat membaca dan selamat mengurus rezeki kita!





Bicara Penulis

AZIANA AR

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah. Alhamdulillah. Alhamdulillah. Segala puji hanya bagi Allah kerana atas izin dan limpah kurnia-Nya, naskhah *Urus Rezeki* ini berjaya ditulis, diterbitkan dan dipersembahkan buat bacaan serta rujukan para pembaca.

Urus Rezeki seperti tajuknya, buku ini berkisarkan tentang pengurusan kewangan, duit atau rezeki yang diperolehi. Bagaimana menjaga keberkatannya, menjana pahala daripadanya, memanjangkan rezeki yang diterima, menggandakan lagi pendapatan dengan beberapa kaedah yang sesuai, mengurus perbelanjaan dan mengetahui serba sedikit tentang pinjaman di mata institusi kewangan.

Naskhah ini sesuai untuk bacaan umum dan semua lapisan masyarakat terutama dalam kondisi ekonomi yang tidak menentu dewasa ini. Semoga naskhah *Urus Rezeki*

dapat membantu dalam memberi panduan serta rujukan buat masyarakat di luar sana. Insya-Allah.

Atas kelahiran naskhah ini, saya Aziana AR sekali lagi merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran terhadap Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya, Urus Rezeki dapat ditulis atas keizinan dan ilham daripada-Nya.

Jutaan terima kasih buat suami tercinta, Abd Rasid Jamah, anak-anak, mak ayah, keluarga, saudara-mara, sahabat handai serta jiran tetangga atas doa serta sokongan yang tidak berbelah bagi buat saya dalam meneruskan perjuangan dalam bidang penulisan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih khas buat guru yang saya hormati dan sayangi, Bonda Nor atas pelawaan menjadi penulis bersama dalam naskhah istimewa ini. Terima kasih juga buatnya atas peluang, ilmu serta sokongan yang tidak pernah putus buat saya dan sahabat di Akademi Bonda Nor yang lainnya. Hanya Allah SWT jua yang dapat membalas segala kebaikan dengan sebaik-baik ganjaran. Amin.



Akhir kalam, dengan rasa rendah diri saya memohon ribuan kemaafan atas segala kelemahan serta kekurangan penulisan saya di dalam naskah ini. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya daripada Allah dan yang buruk itu adalah daripada kekurangan diri saya sendiri. Hakikatnya daripada Allah jua. *Wallahu'alam.*

**Selamat membaca dan semoga
bermanfaat hendaknya. Urus
Rezeki, urus peribadi dan berdamai
dengan situasi!**



SEGMENT 1


MENGURUS MINDSET

Dalam urusan rezeki, kau harus faham
siapa yang beri.

Kerja macam nak mati pun tak guna,
kalau tak dapat reda Dia.

Dapat banyak pun tak guna, kalau tiada
keberkatan-Nya.





Memahami Konsep Rezeki



BONDA NOR

Sungguh, terlalu banyak mesej dihantar kepada saya meminta bantuan itu ini. Nak pinjam duit. Nak minta tajaan. Sebak, sebab saya faham perasaan orang yang terpaksa meminta-minta. Saya pernah berada dalam kasut mereka. *Been there, done that!* Tidak sanggup saya mengulangi lagi kesilapan saya dalam mengurus rezeki, bahkan tidak mahu orang lain juga berdepan dengan situasi seperti itu lagi.

Sebab itu, apa yang saya buat pada hari ini, banyak menghalang pada membuka seluas-luasnya peluang pada ramai orang untuk memperbaiki ekonomi keluarga. Saya tak mahu masyarakat kita hidup terus dengan budaya berhutang dan meminta-minta. Saya pernah rasa deritanya!

Menerusi pasukan Ekspres-i United, Akademi Bonda Nor dan Dropshipper Bonda Nor, saya terus melatih dan melatih. Memberi peluang buat mereka yang berminat untuk membuka kelas membaca, menjadi penceramah, menjadi

penulis dan menjual buku. Ya, dengan ilmu dan pengalaman yang sedikit ini, saya cuba bantu mana yang mampu.

Apabila saya selalu buat jualan murah, beri komisyen yang terlalu tinggi, bahkan selalu buat program percuma dan menaja itu ini, kadang orang tanya, “Bonda Nor ada untung ke?”

Saya jawab, “Ada rezeki saya. Alhamdulillah, ada!”

**Ya. Kadang melalui royalti.
Kadang melalui program yang
saya kendalikan. Tak banyak, tapi
tak putus! Allah sentiasa salurkan
ikut cara Dia. Dan hati saya tenang
setiap kali dapat berkongsi rezeki
dengan orang.**

Sungguh, saya dah rasa hidup susah, dihina, terpaksa meminta-minta. Siang tahan malu, tahan lapar, tahan nafsu daripada nak itu dan nak ini. Malam lap air mata, tahan sedih, tahan sayu. Selalu teresak di atas sejadah.

Saya doa Allah limpahkan rezeki kami sekeluarga, “Ya Allah, aku tak mahu meminta-minta daripada manusia. Aku hanya nak minta daripada Engkau saja.”

Selalu juga teruji dengan tawaran yang tidak patuh syariah. Ditawarkan pinjaman yang melibatkan riba, bahkan peluang bisnes yang syubhah. Maka, selalu juga saya berdoa agar Allah tetapkan hati, “Ya Allah, cukupkan aku dengan yang halal agar aku tidak terintai-intai pada yang haram.”

Sungguh, semuanya tentang mujahadah saya untuk Allah. Dan saya hanya mahu berharap daripada Allah! Saya tak harap hidup mewah. Rumah sebesar istana, melancong ke seluruh dunia, tidak pernah terdetik langsung di hati saya. Saya cuma harap Allah limpah ruahkan rezeki saya untuk saya bayar hutang, untuk mudahkan saya tolong orang.

Bagi saya sendiri, cukup hidup sekadarnya tanpa terlihat hina di mata manusia, cukup untuk memelihara maruah saya sebagai seorang pejuang agama. Dan Maha Suci Allah yang sentiasa baik kepada saya dan kita semua. Satu persatu hajat tersebut Allah tunaikan. Menerusi seminar, jualan buku-buku dan pelbagai lagi ruang rezeki. Allahuakbar. Apa saya nak beritahu? Allah Maha Kaya! Mintalah daripada Dia pada bila-

bila masa. Dia pasti tunaikan sesuai dengan kesungguhan kita meminta dan berusaha!

Saya tahu ada dalam kalangan kita yang sedang teruji dengan masalah kewangan, hutang keliling pinggang, tanggungan banyak, serabut otak siang malam. Saya faham benar perasaan itu. Kerana saya pernah mengalaminya. Justeru, pesan saya - jangan putus berharap. Allah Maha Baik. Dia akan tolong kita jika benar-benar kita sandarkan pengharapan kita pada-Nya.

**Allah uji kita sekarang
untuk tengok tahap pergantungan
kita pada Dia. Dia nak tengok
tahap kesabaran kita. Dia nak
tengok usaha kita untuk melepasi
ujian-Nya. Kuatlah. Semakin sakit
penderitaan yang kita tanggung
bermakna semakin banyak kita
perlu lebihkan istighfar dan
semakin banyak kita perlu berdoa.**

Tolonglah bangun malam untuk sesi munajat. Dirikan Solat Taubat dua rakaat. Buatlah juga Solat Hajat. Ini kunci utama penyelesaian segala masalah. Ruginya kalau kita

sibuk tagih bantuan manusia tapi kita lupa pada penyelesaian sebenar masalah kita - Allah. Setiap kali berdepan masalah, rujuklah Allah. Kita akan rasa lebih terpandu dan tidak rasa keseorangan. Hakikatnya, Allah sedang kuatkan jiwa kita menerusi ujian ini. Dia sedang tabur peluang raih pahala sabar dan ikhtiar sebanyak-banyaknya.

Ya, ada banyak pintu untuk keluar daripada masalah yang membelenggu kita. Kita mungkin ambil masa untuk cuba satu persatu. *Trial and error*. Tapi kalau kita benar-benar bergantung harap pada Allah, Allah akan bagi *shortcut*. Dia akan pandu tindakan kita. Semakin cepat kita reda dan menerimanya sebagai ujian Allah, semakin cepat Allah selesaikan masalah kita dan beri hadiah atas kejayaan kita melepasi.

Paling penting, jernihkan niat. Kenapa nak jadi orang berjaya? Kenapa nak kaya? Jangan ada niat untuk menunjuk-nunjuk. Jangan ada niat untuk balas dendam. Bahkan, tidak perlu menyimpan cita-cita untuk membuktikan kemampuan kita! Fokus saja pada niat untuk mencari rezeki dan menabur bakti.

URUS REZEKI



Ya, saya orang bisnes. Aziana pula makan gaji. Saya seorang yang kalut dan boros. Aziana pula seorang yang teliti dan teratur. Perbezaan inilah yang menjadi pelengkap pada naskhah berjudul URUS REZEKI. Perbezaan yang membawa kepada satu titik persamaan yang menjelaskan bagaimana kami menguruskan rezeki masing-masing agar berada di paras stabil, hingga boleh membeli beberapa buah rumah dan melazimi sedekah. *Lahaulawalaquwataillabillah.*

Sebagai seorang yang dah banyak jatuh bangun kendalikan ekonomi sendiri, juga menyaksikan jatuh bangun orang lain, saya faham bahawa sebenarnya kebanyakan kita bukan tak cukup duit, tapi tak urus rezeki dengan baik. *Passion* kami terhadap bidang pengurusan rezeki inilah yang buat kami menyimpan hasrat untuk menulis satu buku khas berkenaannya. Semoga hasrat dan objektif penulisan buku ini tercapai dan memberi manfaat pada masyarakat. Selamat membaca dan selamat mengurus rezeki kita!

BONDA NOR
Pengarah Urusan
Bonda Nor Sdn Bhd

ISBN 978-967-0018-18-8



9 789670 018188

**BONDA
NOR**
SDN.BHD